

06/02/2000

Tahun Naga Emas disambut penuh yakin

KUALA LUMPUR: Tahun Baru Cina yang pertama alaf ini, diharap membawa kemakmuran, tuah dan kehidupan yang lebih baik bertepatan dengan tahun naga emas kali ini.

Dengan ekonomi negara yang semakin pulih daripada kegawatan, masyarakat Cina di seluruh negara menyambut perayaan tahun naga emas ini dengan lebih yakin.

Kira-kira 5,000 tetamu termasuk pelancong dari luar negara mengunjungi rumah terbuka anjuran MCA di ibu pejabatnya, di Jalan Ampang, di sini, semalam.

Antara tetamu yang hadir ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Kabinet. Pemimpin veteran, Tun Ghafar Baba turut hadir di majlis itu. Selain menjamu selera, tetamu turut diserikan dengan persembahan kebudayaan dan tarian naga.

Presiden MCA, Datuk Seri Ling Liong Sik berkata peningkatan kehadiran tetamu yang berkunjung ke rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina, berbanding dua tahun lalu membuktikan ekonomi negara sudah pulih.

"Bagi pihak MCA, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa bertungkus lumus, di samping kerjasama semua pihak untuk mengembalikan keadaan ekonomi negara di tahap yang sedia kala," katanya kepada pemberita selepas majlis rumah terbuka itu.

Sementara itu, Parti Gerakan yang mengadakan rumah terbuka di ibu pejabat parti itu, dibanjiri lebih 1,000 tetamu, termasuk pemimpin parti komponen BN serta wakil kedutaan asing.

Antara yang hadir, termasuk Dr Mahathir dan isteri, Samy Vellu, Ling, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein dan wakil Gerakan dari seluruh negara.

Keng Yaik berkata tetamu yang ramai tahun ini mencerminkan keutuhan perpaduan kaum di negara ini tanpa mengira bangsa dan latar belakang masing-masing.

"Sambutan kali ini penuh bermakna kerana selain jatuh pada tahun naga emas, ia juga lebih meriah kerana suasana ekonomi negara yang semakin pulih," katanya.

Di IPOH, Pengerusi MCA Perak, Datuk Ong Ka Chuan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri serta Pengerusi Jawatankuasa Perbandaran dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Chang Ka Youn mengadakan rumah terbuka.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali meluangkan masa menghadiri rumah terbuka kedua-dua pemimpin terbabit.

Di ALOR STAR, sambutan Tahun Baru Cina dimulakan dengan masyarakat Tionghua berkumpul sesama anggota keluarga untuk menikmati makan malam atau 'Tuang Yen San' kira-kira jam 7 petang kelmarin.

Selepas menikmati makan malam, mereka bersembahyang di beberapa tokong utama di bandar ini seperti Tokong Kong Hock Keong di Simpang Kuala dan Tokong Kuang In Heng di Lebuhraya Sultan Abdul Halim kira-kira jam 12 malam semalam.

Sambutan berkenaan diserikan lagi dengan majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran MCA Kedah di Sekolah Menengah Keat Hwa (Persendirian), di sini.

Majlis itu dihadiri Menteri Besar, Datuk Syed Razak Syed Zain; Pengerusi

Badan Perhubungan MCA negeri, Datuk Chua Jui Meng; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heong; dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), Datuk Beh Heng Seong.

Di GEORGETOWN, Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir dan isteri Toh Puan Siti Zainab Baharuddin turut mengunjungi rumah terbuka yang diadakan oleh Exco Kerajaan Negeri, Dr Teng Hock Nan di Jalan Park, Pulau Tikus, di sini.

Selain itu, Hamdan dan Siti Zainab turut mengunjungi rumah terbuka anjuran MCA negeri di Dome, Komtar dan rumah terbuka Gerakan di Dewan Sri Pinang.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman bersama beberapa pemimpin kerajaan negeri serta wakil rakyat keturunan Cina menghadiri majlis Ramah Mesra anjuran Persekutuan Tionghua dan Pertubuhan-Pertubuhan Cina Johor Bahru di Sekolah Menengah Foon Yew di Stulang.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam bersama-sama rakyat turut memeriahkan Tahun Baru Cina dengan menghadiri rumah terbuka yang diadakan oleh pemimpin masyarakat Tionghua serta kenalan.

Di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Tan Sri Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor serta isteri Toh Puan Rosmiati menghadiri rumah terbuka yang diadakan oleh beberapa pemimpin masyarakat Cina di Dewan Masyarakat Padungan, di sini.

Ketibaan beliau dan isterinya di rumah terbuka itu diiringi Menteri Muda Perancangan dan Pengurusan Sumber negeri, Michael Manyin Jawong. Turut hadir Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Laila Taib.

DI SEREMBAN, kira-kira 5,000 orang mengunjungi rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran MCA Negeri Sembilan di pekarangan Dewan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) di sini, semalam.

Orang ramai pelbagai kaum mengujungi majlis itu mulai jam 9 pagi dan disambut Pengerusi MCA negeri, Datuk Wong See Wah dan timbalannya, Datuk Dr Yeow Chai Thiam.

Majlis dimeriahkan dengan kehadiran Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan isteri, Puan Sri Hazizah Tumin serta pemimpin parti komponen BN.

Di KUALA TERENGGANU, Ketua MCA Bahagian Kuala Terengganu, Wong Foon Meng, turut mengadakan rumah terbukanya di Wisma MCA bahagian, di Kampung Ladang, di sini antara jam 10 hingga 2 petang.

Di KOTA BHARU, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Masyarakat, Hubungan Antara Kaum, Kesihatan dan Alam Sekitar, Anuar Tan Abdullah, mengadakan rumah terbuka di Pusat Kediaman Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Lama, di sini.

Antara yang hadir ialah Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan timbalannya, Abdul Halim Abdul Rahman.

(END)